

**BAB
KELIMA**

BAB KELIMA

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Setelah melalui perbincangan tentang *qarīmah* dan pemakaiannya dalam kehakiman Islam dengan panjang lebar, maka dapatlah disimpulkan seperti berikut:-

5.1 Kesimpulan

1) Konsep Pembuktian Dan Keterangan (*al-Bayyinah*)

Pembuktian adalah proses mengemukakan keterangan, manakala keterangan pula adalah saluran-saluran keterangan yang digunakan sewaktu proses pembuktian.

Keterangan atau *al-bayyinah* adalah lebih umum daripada kesaksian, manakala kesaksian itu adalah sebahagian daripada keterangan. Atau disebutkan sebagai suatu nama bagi apa-apa yang menerang, menjelaskan dan menzahirkan hak atau lebih dikenali dengan istilah saluran-saluran keterangan.

Memberi keterangan adalah dituntut oleh Agama, oleh kerana itu sewaktu memberikan keterangan seseorang itu terikat dengan etika-etika antaranya mestilah bersifat telus, tidak memihak kepada mana-mana pihak dan sebagainya.

Manakala hakim pula mestilah berhukum dengan benar, terikat dengan hujah yang dikemukakan dan sebagainya.

Ulama berselisih pendapat dalam menentukan kerijidan atau kelonggaran saluran-saluran keterangan. Mereka yang mengambil pendekatan pertama melihat bahawa kita perlu terikat dengan zahir nas, manakala pendekatan kedua diambil melihat kepada objektif disebalik kewujudan saluran-saluran keterangan itu. Dalam hal ini, penulis melihat pendekatan yang kedua adalah lebih kuat.

2) Konsep *Qarīnah*

Sukar untuk mendefinisikan *qarīnah* dengan suatu definisi yang konkrit dan jitu, ini disebabkan oleh luas dan umumnya cakupan *qarīnah* itu sendiri.

Terdapat perbagai definisi yang diberikan oleh para ulama Islam yang mana semuanya betul dalam mendefinisikan *qarīnah*. Kepelbagaian itu berlaku hasil penekanan atau pendekatan tertentu yang dilihat oleh mereka. Sebagai kesimpulannya, *qarīnah* bolehlah didefinisikan sebagai setiap tanda atau amarah zahir yang digunakan untuk membuktikan wujud atau tidak sesuatu yang tersembunyi.

Undang-undang Keterangan Negara-negara Arab secara umumnya bersetuju mendefinisikan *qarīnah* sebagai "suatu anggapan yang dilakukan oleh

pihak penggubal undang-undang mengenai perkara yang tidak diketahui melalui perkara yang diketahui.

Terdapat perbezaan yang nyata antara definisi yang diutarakan oleh ulama Islam dan definisi yang diutarakan oleh Undang-undang Keterangan Negara-negara Arab. Antara perbezaan yang paling ketara ialah *qar'āmah* menurut ulama Islam adalah merujuk kepada tanda atau amarah zahir yang digunakan untuk membuktikan sesuatu yang tersembunyi, sebaliknya *qar'āmah* menurut Undang-undang Keterangan Negara-negara Arab adalah merujuk kepada kesimpulan (anggapan) yang dilakukan berdasarkan tanda-tanda.

3) Pensyariatan *Qar'āmah*

Terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama mengenai pensyariatan *qar'āmah* sebagai salah satu saluran keterangan. Ini disebabkan oleh ketiadaan nas-nas yang jelas menerangkan perkara tersebut sebagaimana halnya berhubung dengan kesaksian, pengakuan dan sumpah. Walau bagaimanapun, hakikatnya terdapat nas-nas umum yang menjadi dalil pensyariatan *qar'āmah* serta disokong pula oleh athar-athar dan dalil akal.

Golongan ulama yang tidak menerima *qar'āmah* ialah golongan ulama yang telah membataskan saluran keterangan kepada tiga jenis, iaitu kesaksian, pengakuan dan keengganan bersumpah. Mereka ialah al-Khair al-Ramlī, al-

Rahmatai dan al-Fattai. Selain mereka, keseluruhan ulama menerima pensyariatan *qarimah* sebagai salah satu saluran keterangan.

Dalam hal ini, pendapat ulama yang menerima pensyariatan *qarimah* adalah lebih kuat berdasarkan dalil-dalil dan juga hujah-hujah yang digunakan.

Penggunaan *qarimah* dalam sistem kehakiman sudahpun diamalkan oleh umat-umat terdahulu malah diteruskan pada zaman Nabi s.a.w serta para sahabatnya. Walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan fukaha mengenai status kedudukan *qarimah* ini, namun hal ini tidak menjadi suatu penghalang kepada amalannya di Mahkamah, sebaliknya anggaplah ianya sebagai suatu ingatan agar para hakim lebih berhati-hati dalam penggunaannya kerana tidak semua *qarimah* dianggap kuat.

4) Kedudukan *Qarimah* Dalam Kesalahan Hudud

Para ulama telah mengambil pendekatan berbeza apabila membincangkan pemakaian *qarimah* dalam kesalahan-kesalahan hudud walaupun mereka menerima *qarimah* sebagai salah satu saluran pensabitan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh tiga faktor; pertama, terdapat nas-nas yang lebih spesifik mengenai kedudukan *qarimah* dalam kesalahan hudud serta terdapat penekanan daripada Syarak supaya lebih berhati-hati dalam kesalahan-kesalahan hudud. Kedua, Pemahaman mereka mengenai *mafhum* nas berbeza. Ketiga, Terdapat nas-nas yang seolah-olah pada zahirnya bertentangan antara satu sama lain, namun

hakikatnya nas-nas tersebut jika dilihat dengan lebih menyeluruh akan memberikan gambaran hukum yang sebenar mengenai *qarḥmah* ini.

Pendapat ulama yang menerima pemakaian *qarḥmah* yang kuat dalam apa juga kesalahan-kesalahan hudud adalah lebih kuat berdasarkan alasan-alasan berikut:

- 1) Dalam kehakiman Islam, matlamat utama saluran keterangan ialah bagi menerangkan kebenaran atau sesuatu hak serta menzahirkannya. Ertinya matlamat utama saluran keterangan adalah menjaga masalah pihak yang bertelagah, Masalahah itu akan tercapai apabila hak itu sampai atau berada pada pihak yang benar. Dalam konteks ini, Ibn Qayyim telah membentuk suatu kaedah umum sebagai panduan kita bersama, menurutnya "Di mana kamu dapati wujudnya masalahah maka disitulah syariat Allah". Moralnya, Jika masalahah tidak akan tercapai melainkan dengan perkara tersebut, maka perkara itu mestilah wujud atau diwujudkan. Ini berdasarkan kaedah usul fiqh "perkara yang tidak sempurna sesuatu kewajipan melainkan dengan perkara itu, maka ianya juga adalah suatu kewajipan".
- 2) Syubhat yang dibesar-besarkan akan terhakis apabila kita masukkan unsur pakar serta unsur etika. Ertinya, dalam konteks *qarḥmah* lama atau baru, unsur pakar (pendapat pakar) dan etika yang ditetapkan sebagai amalan telah meminimakan syubhah. Hasilnya, saluran keterangan itu akan menjadi suatu keterangan yang kuat.

5) Cap Jari Sebagai Sumber Identifikasi Serta Hukum Pemakaiannya Menurut Perspektif Islam

Daripada hasil kajian ternyata bahawa cap jari merupakan alat sabitan yang kuat serta diterima pakai seluruh dunia. Sifat individualistik yang telah dibuktikan oleh sains adalah faktor penerimaan tersebut. Hasil kajian, penulis berpendapat bahawa cap jari bolehlah dikategorikan sebagai *qar'nah* yang kuat serta tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, ianya boleh digunakan dalam sistem kehakiman Islam.

6) Alat Pengukur Alkohol Sebagai Alat Bukti Serta Hukumnya Menurut Perspektif Islam

Alat pengukur alkohol dalam pernafasan merupakan alat yang canggih serta memberikan natijah yang menyakinkan. Dengan itu, penulis berpandangan bahawa alat ini juga boleh digunakan serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Manakala mereka yang disabitkan bersalah bolehlah dikenakan hukuman had.

6) DNA Profil Sebagai Sumber Identifikasi Serta Hukumnya Menurut Perspektif Islam

DNA ialah bahan genetik yang telah dibuktikan melalui banyak eksperimen. Setiap individu mempunyai DNA mereka yang tersendiri. Sifat individualistiknya yang sama dengan cap jari menyebabkan ianya telah digunakan dalam proses identifikasi individu di seluruh dunia. Sifat Individualistik ini adalah

disebabkan setiap individu itu mempunyai Restriction Fragment Length Polymorphisms (RFLP) yang berbeza dari segi panjang dan jujukan besnya.

DNA dianalisa dengan menggunakan metod RFLP dan PCR. Masalah sampel DNA yang sedikit tidak timbul, ini kerana ahli Sains Forensik boleh membanyakannya untuk tujuan pencirian dengan menggunakan teknik tindak balas berantai polymerase.

DNA mempunyai dua keunikan, selain bersifat individualistik ianya juga boleh diambil dari bahan-bahan yang berlainan seperti darah, air liur, air mani dan sebagainya. Di mana bahan-bahan itu akan menunjukkan DNA yang sama.

Hasil kajian, penulis dapati kaedah DNA dapatlah dikategorikan sebagai *qarīmah* yang kuat serta boleh digunakan dalam kehakiman Islam. Mereka yang disabitkan bersalah bolehlah dihukum walaupun yang melibatkan kesalahan-kesalahan hudud.

5.2 Cadangan

1) Pihak yang terlibat dalam menjalankan tugas penyelenggaraan qarīnah-qarīnah baru hendaklah lebih bersikap amanah dan jujur. Ini berdasarkan prinsip bahawa kita memberi keterangan kerana Allah s.w.t dan bukannya kepada individu yang diwakili.

- 2) Para sarjana syariah dinasihatkan agar lebih aktif dan bersikap peka dengan masalah-masalah yang baru timbul agar mereka lebih mampu menangani masalah-masalah tersebut sesuai dengan perkembangan terkini. Dengan itu mereka akan dilihat lebih diperlukan dalam masyarakat.
- 3) Menjalinkan hubungan yang erat antara mereka yang mahir dalam bidang syariah dengan mereka yang mahir dalam bidang-bidang lain semoga kedua-dua pihak mendapat manfaat yang lebih.
- 4) Golongan yang mahir dalam bidang agama dinasihatkan bekerja dalam kumpulan dalam menangani masalah-masalah semasa agar kerja itu lebih bermutu dan mengeluarkan hasil dalam jangka masa yang lebih singkat.
- 5) Penulis mencadangkan agar Jabatan agama yang terlibat dalam operasi menangani maksiat di kalangan orang-orang Islam turut menggunakan alat pengukur alkohol sebagai cara mengenalpasti peminum-peminum arak sewaktu operasi dijalankan.
- 6) Mahkamah Syariah yang menghadapi masalah menentukan paterniti (mengenal pasti bapa kepada anak yang sedang dipersoalkan) bolehlah merujuk Jabatan Kimia Malaysia bagi menyelesaikan masalah ini.

5.3 Penutup

Sebagai penutup kajian ini sekali lagi penulis ingin tegaskan bahawa *qarīnah* merupakan salah satu saluran keterangan yang disyariatkan di dalam Islam. Pemakaiannya bukan terhad kepada kes-kes biasa sahaja malah boleh digunakan dalam kesalahan-kesalahan hudud jika ianya kuat. Perkembangan sains dan teknologi begitu pesat patut dieksploitasikan bagi tujuan keadilan perundangan dan kemaslahatan umum. Penemuan-penemuan baru oleh ahli-ahli sains tidak boleh dipandang sepi oleh umat Islam, malahan mereka patut lebih peka supaya keadilan dapat dikecapi. Ahli-ahli perundangan Islam tidak patut memandang negatif terhadap perkara-perkara ini dengan alasan untuk menjaga kesucian agama kerana Islam adalah agama yang menyeluruh dan kemajuan tidak patut disekat selagi ianya tidak melampaui asas-asas agama.

Suatu kenyataan yang diketahui umum bahawa nas-nas Syarak dari al-Quran dan al-Hadis adalah terbatas, sementara masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia tidak terbatas, malah ianya berkembang dan berubah menurut peredaran masa dan tempat. Sebenarnya, inilah kebijaksanaan Syarak yang sengaja ditinggalkan ruang kosong agar para mujtahid memainkan peranannya dalam memenuhi kekosongan dengan berijtihad bagi mendapatkan hukum yang boleh mendatangkan faedah dan kebaikan kepada umat manusia serta lebih sesuai dengan zaman dan keadaan mereka, disamping tidak mengeneipikan *maqāṣid syarī'ah*. Wujudnya ruang kosong itu adalah merupakan sesuatu ketentuan Allah s.w.t yang mahukan Syariatnya kekal dan sesuai untuk semua zaman, tempat dan keadaan sesuai dengan sifatnya yang umum (*rahmatan lil ālamīn*) dan syumul.

Beberapa etika dan syarat perlu ditetapkan agar unsur syubhat dalam *qar'mah-qar'mah* baru ini khususnya dapat dihindarkan, terutama yang melibatkan kesalahan-kesalahan hudud. Sebagai contoh, etika yang diamalkan oleh pakar-pakar cap jari di Malaysia dengan menetapkan 12 point kesamaan sebagai amalan yang seragam patut dijadikan panduan.